

3

Dasar Pertanian Negara ke-3 : Pemangkin Pembangunan Komuniti Peladang, Penternak dan Nelayan

Mohamad Zainol Abidin Adam

PENGENALAN

Ekonomi Malaysia telah mengalami transformasi yang begitu ketara sekali sejak beberapa dekad yang lalu, iaitu perubahan daripada ekonomi yang bergantung kepada sektor pertanian kepada ekonomi yang berteraskan industri. Pada awalnya, sektor pertanian merupakan nadi penggerak kepada pertumbuhan ekonomi negara terutamanya selepas merdeka. Namun demikian, disebabkan pemekatan pertumbuhan sektor perindustrian, secara relatifnya telah mengurangkan sumbangan sektor pertanian kepada pendapatan negara, perolehan eksport, guna tenaga dan juga pelaburan. Sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh, sektor pertanian telah kekal sebagai salah satu daripada sektor utama ekonomi negara selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan. Ia bukan saja memberi sumbangan sebagai pembekal bahan mentah kepada industri berasaskan sumber, tetapi juga memberi sumbangan dari segi pengeluaran makanan

Dari semasa ke semasa, struktur ekonomi negara kian berubah mengikut keadaan perkembangan semasa dan perkembangan ini telah menimbulkan pelbagai isu dan cabaran kepada sektor pertanian, khususnya dari segi kekurangan buruh, saiz tanah yang tidak ekonomik dan kos pengeluaran yang kian meningkat. Tambahan lagi, persaingan di antara sektor-sektor terus berlaku dalam pasaran global akibat liberalisasi perdagangan. Perubahan ini memberikan satu tamparan pada sektor pertanian dan telah mengakibatkan sumbangan sektor ini kepada Keluaran Negara Kasar (KDNK) telah berkurangan sebanyak 29.1 peratus (1970 – 1974) kepada 9.64 peratus (1995 – 1998) dan terus menurun kepada 8.7 peratus pada tahun 2000.

Walaupun demikian, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, langkah-langkah baru dan berinovatif akan dilaksanakan melalui program-program yang telah disusun oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian, untuk meningkatkan sumbangan sektor ini kepada ekonomi negara. Selaras dengan hasrat ini, Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) telah dirangka oleh pihak kerajaan bagi mempesatkan pertumbuhan sektor pertanian selari dengan sektor-sektor lain dan juga dasar-dasar kerajaan yang lain.

Dalam DPN3, pengeluaran makanan tempatan akan terus dipertingkatkan dengan memberi galakkan supaya komuniti peladang, penternak dan nelayan mengusahakan bidang masing-masing secara berskala besar dan tersusun,

menggunakan tanah secara optima, memperbaiki amalan agronomi serta menggunakan teknologi dan pengurusan secara moden.

Evolusi Dasar Pertanian Negara

Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) dilancarkan pada tahun 1984. Dengan sumber tanah yang banyak, negara terus melaksanakan polisi yang menitikberatkan tanaman eksport terutamanya kelapa sawit dan getah. Kerajaan melabur dalam bidang memajukan infrastruktur, pembangunan institusi dan pembangunan tanah baru dengan tujuan memajukan tanaman-tanaman ini. Ini adalah untuk memanfaatkan pertukaran asing, mewujudkan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan golongan peladang, penternak dan nelayan dan seterusnya mengurangkan tahap kemiskinan. Perhatian diberikan juga kepada pembangunan 'in-situ' untuk mengatasi masalah saiz ladang yang tidak ekonomik, masalah tanaman yang tidak menguntungkan dan produktiviti yang rendah terutamanya oleh pekebun-pekebun kecil.

Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1)

Era DPN1 (1984-1991) menampakkan perkembangan yang begitu pesat sekali dalam sektor pembuatan dan ini telah menukar kepentingan sektor pertanian terhadap ekonomi negara. Pembangunan sektor pertanian seterusnya terhalang dengan timbulnya masalah, terutamanya berkaitan dengan kekurangan tenaga buruh dan peningkatan upah, serta peningkatan penggunaan tanah untuk lain-lain kegunaan. Pada masa itu juga, penumpuan polisi terhadap perindustrian menyebabkan suasana yang tidak menarik untuk pelaburan di dalam sektor pertanian. Ini telah mengakibatkan pengaliran keluar sumber dari sektor pertanian ke lain-lain sektor.

Dasar Pertanian Negara Kedua (DPN2)

DPN1 kemudiannya disusun semula dan lahirlah Dasar Pertanian Negara Kedua - DPN2 (1992-2010). Dalam DPN2, penekanan yang lebih diberikan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan produktiviti, kecekapan dan daya saing sektor ini dalam konteks pembangunan mapan dan juga pertalian sektor ini dengan lain-lain sektor. Polisi ini juga menggariskan strategi jangka masa sederhana dan strategi jangka masa panjang untuk mengembangkan pengeluaran makanan, penglibatan pihak swasta yang lebih aktif, reformasi pemasaran dan mempercepatkan pembangunan industri berasaskan pertanian.

Walau bagaimanapun, pada tahun 1992 – 1996, perubahan struktur ekonomi telah menyebabkan sumber sektor pertanian makin berkurangan. Di peringkat antarabangsa pula, penubuhan *World Trade Organization* (WTO) dan peningkatan liberalisasi terhadap perniagaan berasaskan pertanian telah mengakibatkan peningkatan persaingan dan penonjolan peluang pasaran baru. Tambahan pula,

kesedaran terhadap pembangunan yang mapan dan mesra alam mula mendapat perhatian. Ini memerlukan satu polisi pembangunan pertanian yang menitikberatkan pemuliharaan alam sekitar dan penggunaan sumber secara mesra alam.

Perkembangan-perkembangan di atas memberikan isu-isu dan cabaran-cabaran baru terhadap pembangunan sektor pertanian. Penggubalan DPN2 tidak menduga perkembangan yang begitu cepat dan mendadak di dalam ekonomi dalaman dan antarabangsa. Oleh ini, DPN2 tidak berupaya untuk mengatasi isu-isu dan cabaran-cabaran baru ini. Dengan hal ini, ianya memerlukan fomulasi dasar dan strategi yang baru untuk memperkukuhkan perkembangan sektor pertanian sekiranya kita mahu berada selari dengan perkembangan ekonomi global. Maka, wujudlah DPN3.

Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3)

DPN3 ini meliputi jangka masa 1998 hingga 2010 dan bertujuan untuk menyediakan ruang yang luas dan secukupnya untuk mengubahkan (transformasi) sektor pertanian sara diri kepada sektor yang lebih berdaya saing dan komersial. Penggubalan dasar ini adalah berasaskan kepada objektif dan strategi Dasar Pembangunan Nasional serta menerapkan beberapa strategi baru untuk menangani cabaran dan perubahan –perubahan ekonomi global.

Pada umumnya, DPN3 mengekalkan objektif yang telah digariskan di dalam DPN2 (1992-1998), iaitu untuk memaksimumkan pendapatan melalui penggunaan sumber secara optimum. Usaha-usaha ini adalah merangkumi aspek-aspek memaksimumkan sumbangan sektor pertanian kepada pendapatan negara dan eksport dengan matlamat utamanya untuk memaksimumkan pendapatan para pengeluarinya, iaitu golongan peladang, penternak dan nelayan.

Pembangunan komuniti masyarakat peladang, penternak dan nelayan amat memerlukan pendekatan penggunaan sumber yang sedia ada secara cekap dan mapan terutamanya apabila negara ingin bersaing dengan lain-lain negara apabila Perjanjian Perdagangan Bebas Cukai ASEAN (AFTA) direalisasikan. Cabaran yang mendatang memerlukan pendekatan yang strategik, konsisten dan proaktif supaya masyarakat peladang, penternak dan nelayan mempertingkatkan sumbangan mereka di dalam ekonomi negara dan juga bersaing di dalam pasaran terbuka.

Sejajar dengan ini, objektif utama DPN3 ialah untuk memaksimumkan pendapatan golongan peladang, penternak dan nelayan melalui penggunaan sumber secara optimum dalam sektor pertanaian. Ini termasuk memaksimumkan sumbangan sektor ini kepada pendapatan negara dan perolehan eksport. Secara khususnya, objektif DPN3 ialah:

- (i) Meningkatkan sekuriti makanan melalui galakan pengusahaan bidang pertanian secara komersial;

- (ii) Meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian;
- (iii) Mengukuhkan rantai sektor ini dengan lain-lain sektor;
- (iv) Mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru bagi sektor pertanian;
- (v) Memulihara dan menggunakan sumber semula jadi secara mampan.

Melalui objektif yang dirangkakan ini, ianya akan menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti masyarakat peladang, penternak dan nelayan.

Pendekatan-Pendekatan Baru dalam DPN3

DPN3 memberi tumpuan kepada pembangunan sektor pertanian melalui dua pendekatan strategik baru yang tidak disentuh di dalam DPN1 dan DPN2, iaitu:

1. Pendekatan Perhutani

Pendekatan ini menyediakan satu skop pembangunan, di mana kedua-dua tanaman pertanian dan perhutanan diberi peranan untuk saling lengkap melengkapi. Ini adalah bertujuan supaya kedua-dua bidang ini dibangunkan secara bersama, serta menghasilkan pembangunan sektor pertanian yang lebih efektif dan produktif dan mengambil kira amalan pemuliharaan tanah secara mampan. Ini bermakna perkongsian sumber tanah di antara kedua-dua bidang ini dapat dimanfaatkan daripada kawasan yang sama. Ini dapat menbendung tekanan permintaan terhadap pembukaan kawasan tanah baru.

2. Pendekatan Berasaskan Produk

Strategi yang berasaskan komoditi menghadkan keberkesanan untuk memenuhi kehendak pasaran. Apabila kehendak pasaran tidak dapat dikenal pasti dan dipenuhi, maka adalah amat sukar sesuatu produk yang dikeluarkan itu dapat dipasarkan bagi menambah pendapatan golongan pengeluar iaitu peladang, penternak dan nelayan. Untuk mengatasi masalah ini, satu orientasi baru di dalam merancang pembangunan sektor pertanian adalah wajar demi mencapai matlamat supaya barangan yang dikeluarkan oleh sektor pertanian mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi. Melalui pendekatan berasaskan produk ini, pengeluaran barangan dari sektor pertanian ini akan menjadi lebih khusus serta menitikberatkan pengeluaran barangan yang berkualiti dan mempunyai nilai tambah. Dalam hal ini juga, pendekatan "*Think Globally, Act Locally*" diberi penekanan dalam segala aspek pembangunan sektor ini. Produk-produk yang dikeluarkan adalah berdasarkan kepada keutamaan permintaan dan potensi pasaran. Golongan pengeluar digalakkan untuk mengeluarkan produk yang mereka telah mempunyai kepakaran di dalamnya. Di samping itu, bidang latihan terus diutamakan untuk menerokai bidang-bidang baru yang berpotensi.

Teras Dasar dan Strategi Baru dalam DPN3

Penggubalan DPN3 adalah berdasarkan kepada kekuatan pendekatan strategik berasaskan produk dan perhutani untuk mengatasi isu dan cabaran yang selama ini telah mengekang kemajuan sektor pertanian. Dengan pendekatan ini, DPN3 memberi tumpuan kepada pembangunan pertanian melalui teras dasar strategik. Dengan ini, satu suasana yang dapat mengekalkan dan menggiatkan pertumbuhan sektor ini bagi memenuhi keperluan negara dapat diwujudkan.

Teras Dasar DPN3 adalah seperti berikut:

1. Memenuhi Keperluan Makanan Negara

Pengeluaran makanan tempatan dipertingkatkan melalui pelaksanaan projek-projek pertanian berskala besar dan komersial serta penggalakkan penglibatan sektor swasta dalam industri pengeluaran makanan. Import bil makanan negara sentiasa meningkat setiap tahun. Dalam tahun 1997, jumlah makanan yang diimport adalah melebihi RM10 bilion, peningkatan sebanyak RM4.6 bilion dari tahun 1990. Permintaan tinggi terhadap makanan juga telah mengakibatkan peningkatan harga makanan. Pada tahun 1997, peningkatan harga makanan merupakan 51.9 peratus daripada peningkatan Indeks Harga Pengguna. Jadi, peningkatan pengeluaran makanan ini adalah sebagai langkah bagi mengurangkan bil import makanan negara setiap tahun. Pencapaian matlamat ini banyak bergantung kepada penggunaan sumber secara efisien dan efektif bagi mengurangkan kos pengeluaran agar sektor ini dapat bersaing.

2. Meningkatkan Daya Saing dan Daya Untung Sektor Pertanian

Di dalam hal ini, tumpuan diberikan kepada membangunkan sektor ini agar ianya dapat berdaya saing dengan pasaran global. Ini akan dapat dicapai dengan peningkatan produktiviti ladang serta pengukuhan pasaran, penghapusan halangan pasaran dan perdagangan, penggubalan dan pelaksanaan standard kualiti, serta pembangunan secara terpilih perusahaan pertanian berdasarkan kepada kekuatan daya saing pada masa kini. Untuk menangani masalah buruh, penekanan diberikan kepada sistem pengeluaran pertanian berintensif modal dan teknologi yang menggunakan sistem jimat buruh. Ini bermakna mekanisasi ladang harus dipergiatkan bagi pembangunan perusahaan pertanian yang tidak menggunakan sumber tenaga yang banyak. Pada masa ini, produktiviti buruh sektor pertanian hanyalah kira-kira 60 peratus daripada produktiviti buruh di sektor pembuatan. Justeru itu, jumlah tenaga buruh dalam sektor pertanian akan dikurangkan daripada 1.4 juta pekerja kepada hanya 0.9 juta pekerja menjelang tahun 2010. Pengurangan ini akan dicapai melalui pengurangan keluasan sektor yang memerlukan ramai tenaga pekerja. Sebagai contohnya, tanaman getah dikurangkan sebanyak 494,000 hektar, kelapa sebanyak 73,4000 hektar, koko sebanyak 30,7000 hektar dan lada hitam sebanyak 2,000 hektar.

3. Meningkatkan Pembangunan Bersepadu Sektor Kecil Makanan dan Tanaman Industri

Dalam sektor kecil tanaman industri dan makanan, terdapat sumber seperti tanah, buruh, modal serta produk sampingan dan sisa pertanian yang boleh digunakan sepenuhnya untuk membangunkan kedua-dua sektor ini secara bersepadu. Pembangunan bersepadu juga adalah amat penting supaya aktiviti-aktiviti dan program-program yang dilaksanakan oleh semua agensi kerajaan yang bersangkutan dengan pembangunan sektor pertanian tidak bertindih di antara satu sama lain. Penglibatan secara bersepadu antara agensi-agensi ini akan membolehkan semua program diuruskan kepada matlamat peningkatan hasil ladang dan seterusnya peningkatan pendapatan golongan peladang, penternak dan nelayan tanpa pembaziran kos dan tenaga.

4. Mengukuhkan Asas Ekonomi

Asas ekonomi yang kukuh diperlukan untuk menyokong dan mengekalkan pembangunan industri pertanian yang sedia ada dan untuk merintis pertumbuhan insdustri baru. Ini termasuklah peningkatan kualiti sumber manusia yang berterusan, keupayaan penyelidikan dan pembangunan dan keupayaan penggunaan teknologi tempatan.

5. Mengamalkan Pembangunan Mapan

Prinsip utama dalam pembangunan sektor pertanian adalah pengurusan sektor pertanian yang mapan, terutamanya dalam menggunakan sumber-sumber yang terhad. Peraturan, kaedah dan insentif telah diperkukuhkan untuk menggalakkan amalan agronomi yang mesra alam dan meminimumkan kesan negatif aktiviti pengeluaran pertanian ke atas alam sekitar. Di dalam hal ini, program-program penggunaan kaedah yang mesra alam seperti Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) dan Pengurusan Rumpai Bersepadu (IWM) akan dipertingkatkan.

PERANAN AGENSI KERAJAAN DALAM MEREALISASIKAN DPN3

Penyataan dasar sahaja tidak mencukupi untuk menjadi pemangkin kepada pembangunan golongan peladang, penternak dan nelayan. Pernyataan dasar ini seharusnya diikuti dengan program-program dan aktiviti-aktivi yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan golongan ini. Kertas kerja ini membincangkan beberapa pendekatan yang diambil oleh beberapa agensi yang terlibat dengan pembangunan pertanian di Negeri Kedah dalam merealisasikan DPN3.

Di Negeri Kedah Darul Aman, terdapat beberapa agensi utama yang memainkan peranan utama di dalam memajukan golongan peladang, penternak dan nelayan. Agensi-agensi ini adalah Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan juga Lembaga Pertubuhan Peladang. Walaupun terdapat beberapa lagi agensi yang menjalankan tugas yang seumpama ini di Negeri Kedah Darul Aman, peranan mereka adalah lebih kepada memperkukuhkan perkhidmatan yang diberikan oleh agensi pelaksana utama ini.

PERANAN JABATAN PERTANIAN

DPN3 menggariskan beberapa garis panduan dan strategi yang digunakan untuk membangunkan komoditi padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan juga tanaman herba. Tanaman-tanaman ini adalah berkait rapat dengan program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Pertanian. Seajar dengan hasrat DPN3, program dan aktiviti Jabatan Pertanian dibentuk ke arah mencapai hasrat tersebut berlandaskan kepada objektif dan teras aktiviti jabatan yang telah digariskan, iaitu:

1. Objektif Jabatan Pertanian

Objektif Jabatan Pertanian adalah seperti berikut:

- (i) Menggalakkan pengeluaran komoditi pertanian secara komersil oleh golongan peladang melalui khidmat nasihat dan perundingan.
- (ii) Membimbing dan mewujudkan masyarakat usahawan pertanian.
- (iii) Meningkatkan produktiviti pengeluaran melalui pemindahan teknologi, pembangunan sumber manusia dan pemberian khidmat nasihat teknikal.
- (iv) Meningkatkan sumbangan sektor pertanian dalam ekonomi negara dengan menggalakkan dan memajukan tanaman-tanaman dan agro-industri yang berdaya maju dan berpotensi terutamanya tanaman makanan.
- (v) Menentukan dan melindungi sektor pertanian negara melalui penguatkuasaan Akta Racun Makhluk Perosak, Akta Kuarantin Tanaman, Akta Kawalan Padi Dan Beras, Akta Perlindungan Varieti Tumbuhan dan juga Akta Baja.

2. Pendekatan Projek Jabatan Pertanian

Projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian mengambilkira pembangunan industri bagi setiap tanaman secara keseluruhan, meliputi peringkat pengeluaran, projek industri hiliran, pembangunan institusi, pembangunan sumber manusia, pembangunan infrastruktur asas dan perkhidmatan sokongan teknikal. Tumpuan diberikan secara khusus untuk meningkatkan pengeluaran makanan secara komersil dan berskala besar. Ini tidak membawa erti bahawa kebajikan dan keperluan petani-

petani kecil diabaikan. Sepanjang pelaksanaan DPN3 ini, Jabatan Pertanian akan melaksanakan lapan program utama yang memberi penekanan kepada penglibatan golongan peladang di bawah seliaan mereka. Bagi tanaman padi, buah-buahan, tanaman sayuran dan tanaman ladang serta tanaman bunga-bunga, modus operandinya adalah berasaskan kepada pengurusan projek secara berkelompok. Di dalam pelaksanaan projek berkelompok ini, petani-petani yang menyertai sesuatu projek diwajibkan menubuhkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada kalangan mereka sendiri untuk mentadbir dan mengurus projek berkenaan. Melalui pendekatan secara berkelompok ini, golongan peladang ini dapat dilatih dengan lebih teratur dan sistematik untuk memainkan peranan yang aktif di dalam memajukan sesuatu projek tersebut tanpa pergantungan sepenuhnya kepada kerajaan. Program-program Jabatan Pertanian Negeri Kedah sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan (RMK 8) dan sepanjang pelaksanaan DPN3 ini adalah seperti di *Jadual 1*.

Jadual 1: Program-Program RMK 8 Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Bil Projek	Tajuk Projek	Anggaran Peruntukan RMK 8 (RM juta)
1	Pembangunan Industri Padi	4.875
2	Pembangunan Industri Buah-Buahan	32.534
3	Pembangunan Industri Sayuran dan Tanaman Ladang	6.104
4	Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Berpotensi	2.739
5	Pembangunan Usahawan Tani	2.640
6	Pembangunan Sumber Manusia	3.371
7	Pembangunan Pusat-Pusat Pertanian	5.257
8	Pembangunan Pejabat dan Rumah	9.813
Jumlah		67.152

Sumber : Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Pertanian Negeri Kedah (2000).

Sepanjang tahun 2001, Jabatan Pertanian telah dapat melaksanakan 383 buah projek kelompok baru. Projek yang disenaraikan di dalam *Jadual 2* meliputi tanaman padi, buah-buahan, sayuran dan juga tanaman ladang. Pada masa ini, sebahagian daripada projek-projek ini sedang dalam pertimbangan pihak berkuasa untuk mendapat pengiktirafan Sijil Kualiti MS ISO 9002. Untuk tujuan ini, proses pengauditan luaran MS ISO 9002 oleh pihak SIRIM telah selesai dilaksanakan.

Hasil daripada pelaksanaan projek-projek ini bagi tahun 2001, telah memberi manfaat kepada seramai 10,3781 orang petani melibatkan kawasan seluas 10,519.2

hektar. Pelaksanaan projek pertanian secara berkelompok juga menjadi pemangkin kepada pembangunan keluarga masyarakat petani di sesuatu kawasan projek.

Mengikut Laporan Analisis Projek Kelompok Januari – September 2001 Jabatan Pertanian Negeri Kedah, bagi tempoh Januari – September 2001, projek-projek kelompok yang dilaksanakan ini telah dapat menjana pengeluaran sebanyak 56,368,344 kilogram pelbagai hasil pertanian bernilai RM49,322,154.00. Ini memberikan pendapatan sebanyak RM792.00 sebulan kepada peserta yang terlibat. Jumlah ini akan meningkat lagi apabila kesemua projek ini mengeluarkan hasil terutamanya bagi tanaman buah-buahan yang mengambil masa di antara 4 – 6 tahun untuk pengeluaran hasil pertama selepas ditanam.

Jadual 2: Projek-Projek Kelompok Januari – September 2001, Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Bil	Nama Daerah	Bilangan Projek Kelompok	Luas Projek (ha)	Bilangan Terlibat
1	Kota Setar	33	1884	1656
2	Baling	60	747.2	1117
3	Bandar Baru	29	1061.8	936
4	Kuala Muda	54	2278	1899
5	Kubang Pasu	35	1102.1	1097
6	Kulim	22	479.4	363
7	Langkawi	16	474.4	482
8	Padang Terap	39	1191.3	1206
9	Pendang	35	554	541
10	Sik	47	373.6	652
11	Yan	13	373.4	429
	Jumlah	383	10,519.2	10,378

Sumber : Laporan Analisis Projek Kelompok Januari –September 2001, Jabatan Pertanian Negeri Kedah

PERANAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

MADA ditubuhkan pada tahun 1970 untuk mengendali dan menyelenggara Rancangan Pengairan Muda serta mengusahakan pembangunan pertanian di dalam kawasan Muda dan masyarakat tani yang mendiaminya. Kawasan MADA merangkumi kawasan bendang seluas 96,558 hektar yang diusahakan oleh 63,000 keluarga tani yang menyamai seramai 360,000 ahli keluarga. Kawasan ini mengandungi kira-kira satu per empat daripada seluruh kawasan sawah di Malaysia.

Dua matlamat utama MADA adalah diasaskan kepada aspek-aspek kemanusiaan dan pembangunan tanaman. Matlamat-matlamat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Memajukan kesejahteraan hidup sebilangan besar penduduk desa.
- (ii) Melebihi hasil pengeluaran untuk keperluan negara.

Program-program yang dilaksanakan oleh pihak MADA adalah seperti berikut:

- (i) Program pembinaan, penambahan, pengendalian dan penyelenggaraan prasarana fizikal;
- (ii) Program latihan, pengembangan dan pembangunan pertanian;
- (iii) Program kajian dan penyiasatan untuk menghasilkan maklumat teknikal, ekonomi dan sosial.
- (iv) Program pembangunan dan kemajuan keluarga tani serta pembangunan institusi peladang.

Aktiviti MADA

Aktiviti-aktiviti bidang pertanian yang dikelolakan oleh pihak MADA adalah berteraskan usaha-usaha ke arah pembangunan masyarakat peladang. Penglibatan peladang-peladang adalah amat diutamakan dalam merangka setiap program aktiviti agensi ini.

1. Pembangunan Pertanian

Objektif utama MADA adalah untuk meningkatkan pengeluaran tanaman padi, di mana peningkatan pengeluaran padi akan seterusnya meningkatkan pendapatan masyarakat peladang. Matlamat yang ditetapkan bagi pengeluaran padi ialah untuk mencapai 5.0 tan/hektar pada tahun 1990 dan 6.0 tan/hektar pada tahun 2000 dan seterusnya kepada 10 tan/hektar di masa akan datang. Kedua-dua matlamat ini boleh dikatakan telah dapat dicapai kerana hasil uji kaji oleh MADA (Penyiasatan Pengeluaran Padi), terdapat sebilangan petani yang telah mencapai hasil melebihi 6.0 tan/hektar walaupun hasil purata bagi musim I/2000 adalah sebanyak 4.93 tan/hektar. Usaha peningkatan hasil padi ini terus dilakukan dengan menggalakkan petani-petani menyertai skim penanaman padi secara Separa Perladangan dan Projek Kelompok. Sistem ini mempunyai serampang dua mata, iaitu disamping menguruskan sawah secara komersil untuk meningkatkan hasil, ianya juga mempunyai matlamat untuk memajukan taraf hidup golongan peladang secara bersepadu. Ini adalah kerana setiap kawasan Separa Perladangan atau Projek Kelompok, petani-petani mempunyai jawatankuasa yang terdiri di kalangan mereka sendiri. Bertolak dari sinilah, golongan peladang ini dilatih teknik-teknik pengurusan projek yang menitik beratkan kos dan untung rugi. Selain daripada itu, mereka akan bertindak sebagai pemangkin untuk memajukan diri mereka sendiri dan kampung mereka secara amnya.

Sehingga kini, pihak MADA telah mempunyai sebanyak 163 Projek Separa Perladangan melibatkan kawasan seluas 8,138 hektar yang mana keahliannya ialah seramai 1,500 orang. Selain daripada itu, sebanyak 226 Projek Kelompok dengan keluasan 11,476 hektar dengan bilangan ahli seramai 8,765 orang juga telah berjaya ditubuhkan.

2. Pembangunan Institusi

Pihak MADA juga menyelia dan mengawasi 22 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan 77 buah Syarikat Kerjasama. Kesemua PPK ini adalah dikendalikan sendiri oleh peladang dan menjalankan pelbagai aktiviti terutamanya aktiviti perniagaan berasaskan pertanian untuk membantu ahli-ahlinya. Sehingga tahun 2000, keseluruhan 22 PPK ini mempunyai 48,016 ahli dengan modal saham sebanyak RM8,760,951.00. Isipadu perniagaan PPK ini adalah sebanyak RM87,435,644.00 dan telah memperolehi keuntungan bersih sebanyak RM3,836,160.00 pada tahun 2000 (Laporan Tahunan dan Kewangan MADA, 2000). Pengwujudan PPK ini adalah selaras dengan hasrat DPN3 untuk melatih golongan peladang menjadi usahawan tani. Dengan adanya PPK ini juga, pengaliran keluar wang dari bidang pertanian yang diusahakan oleh petani-petani dapat dikurangkan. Ini kerana setiap PPK akan mengendalikan kegiatan perniagaan yang bersangkutan dengan tanaman padi seperti penjualan input pertanian, pengurusan jentera pembajak sawah dan penenuaian padi, pengangkutan padi dan lain-lain lagi. Keuntungan hasil daripada aktiviti perniagaan ini dikembalikan kepada peladang melalui pemberian dividen tahunan.

PERANAN JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN (JPH)

Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) memberikan perhatian kepada usaha-usaha peningkatan pengeluaran ternakan dan hasil-hasil ternakan bagi memenuhi permintaan pengguna tempatan. Pemeliharaan ternakan secara integrasi dengan tanaman utama seperti kelapa sawit, getah, dusun dan perladangan campur terus digalakkan. Penternakan secara intergrasi ini akan dapat mengoptimumkan penggunaan tanah dan memaksimumkan pengeluaran hasil setiap hektar tanah. Dalam melaksanakan pembangunan industri ternakan, selain usahawan dan penternak komersial sebagai sasaran utama, golongan miskin dan termiskin turut diberi perhatian saksama.

Program Pembangunan Jabatan Perkhidmatan Haiwan

1. Rancangan Menternak Ayam

Dalam program ini, JPH menggalakkan penglibatan pihak swasta, terutamanya golongan bumiputera untuk melibatkan diri memajukan industri ternakan ayam. Seramai 150 orang pengusaha ayam pedaging akan diwujudkan sepanjang tempoh RM8 di mana mereka akan berkeupayan menghasilkan 30 tan bagi setiap pusingan

ternakan. Setiap peserta akan dibekalkan dengan 3,000 ekor anak ayam beserta dengan makanan. Dalam tempoh setahun, sebanyak 150 tan daging ayam mampu dihasilkan dengan mengambil kira pemeliharaan untuk 5 pusingan. Program ini melibatkan pengusaha tempatan yang aktif dan berpotensi untuk berkembang. Selain daripada ternakan ayam, tumpuan juga diberikan kepada penternakan puyuh pedaging, penternakan puyuh baka, ayam kampung, pengeluaran telur ayam dan pengeluaran telur itik. Tumpuan program ini adalah di daerah Kulim, Baling dan Sik dan akan mempraktikkan “Sistem Rumah Tertutup” yang mesra alam untuk mengelakkan pencemaran. Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2001 bagi menjayakan program ini ialah sebanyak RM550,000.00.

2. Rancangan Kemajuan Padang Ragut

Kawasan-kawasan untuk ragutan ternakan telah berkurangan akibat pembangunan infrastruktur yang pesat. Oleh yang demikian, pengurusan ternakan perlu beralih kepada pengurusan yang lebih intensif, di mana sistem ragutan adalah secara terkawal. Bagi memenuhi kehendak ini, pendekatan yang diambil ialah mengoptimumkan pemakanan *pastura*, *foder*, kacang dan jagung dalam kawasan yang minimum. Sisa-sisa bahan pertanian seperti jerami, hampas kelapa sawit, hampas soya, dedak padi dan lain-lain akan digunakan secara menyeluruh. Ini dapat membantu petani mengadakan “*home plot*” untuk memelihara ternakan mereka. Salah satu projek yang telah berjaya pada tahun 2001 terletak di Kampung Paya Bungor, Kubang Pasu, di mana pengusahanya mempunyai lebih daripada 200 ekor lembu yang dternak secara “*home plot*”. Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2001 bagi menjayakan program ini ialah sebanyak RM450,000.00.

3. Rancangan Kemajuan Ternakan

Dalam rancangan ini, empat program utama akan dijalankan oleh JPH ini, iaitu ternakan lembu/kerbau/kambing dan biri-biri, lembu tenusu, kambing tenusu dan Program Pembiakbaik Bakaan. Usaha-usaha ini adalah diharapkan dapat menampung keperluan daging tempatan sekurang-kurangnya 35 peratus. Bagi penternakan lembu tenusu, baka-baka lembu tenusu yang menghasilkan pengeluaran susu yang tinggi akan diagihkan kepada pengusaha-pengusaha yang berminat mengikut zon-zon ternakan yang dikenalpasti. Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2001 bagi menjayakan program ini ialah sebanyak RM1,500,000.00. Contoh ternakan lembu tenusu yang telah berjaya di bawah program ini ialah yang diusahakan oleh Syarikat Ruminan Jaya di Padang Terap yang mengusahakan lebih daripada 200 ekor lembu. Satu lagi ialah yang diusahakan oleh Razi Ranch di Kuala Ketil yang mempunyai 100 ekor lembu tenusu serta mengusahakan perusahaan membuat dadih.

4. Rancangan Pembangunan Sumber Manusia

Rancangan ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran para pengusaha ternakan. Setiap tahun, jabatan ini menganjurkan pelbagai kursus dan latihan yang dapat membantu penternak meningkatkan tahap pengetahuan masing-masing agar perusahaan yang mereka laksanakan akan lebih efektif. Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2001 bagi menjayakan program ini ialah sebanyak RM200,000.00.

5. Rancangan Pembangunan Industri Kambing Tenusu

Ini adalah pelan jangka masa panjang di dalam usaha membangunkan industri penternakan kambing susu secara berskala besar. Tujuan program ini adalah untuk membangunkan satu ladang induk penternakan kambing tenusu yang akan menjadi pemangkin kepada kewujudan kelompok-kelompok berskala sederhana di sekitarnya. Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2001 bagi menjayakan program ini ialah sebanyak RM300,000.00.

PERANAN JABATAN PERIKANAN

Sektor perikanan Malaysia terus memainkan peranan yang penting sebagai penyumbang utama ikan kepada negara sebagai sumber protein. Sektor ini menyumbang 1.66 peratus kepada KDNK (Jabatan Perangkaan, 2001), serta memberi peluang pekerjaan kepada 83,952 orang nelayan dan 21,104 orang penternak ikan pada tahun 1999. Sektor perikanan laut pantai menghasilkan pengeluaran sekitar 1.1 juta tan metrik ikan setahun.

Dalam hal ini, Jabatan Perikanan sedang mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara dan pada akhirnya bertujuan untuk meningkatkan pendapatan golongan nelayan. Ini adalah selaras dengan hasrat DPN3 yang antara lain, untuk memastikan bekalan ikan yang mencukupi untuk pasaran tempatan. Antara usaha yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan ialah melalui peningkatan tangkapan perikanan laut atau perikanan marin dan juga membangunkan sektor akuakultur.

1. Perikanan Marin

Sejumlah 83,952 orang nelayan telah direkodkan pada tahun 1999 yang bekerja di atas vesel-vesel menangkap ikan berlesen. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak 2.95 peratus jika dibandingkan dengan tahun 1998. Walau bagaimanapun, nisbah nelayan bekerja di atas vesel menangkap ikan komersial (42.15 peratus) berbanding dengan bilangan nelayan bekerja di vesel menangkap ikan tradisonal (57.9 peratus) tidak banyak berubah dalam tempoh tersebut. Pada masa lalu, industri perikanan marin seringkali menghadapi masalah kekurangan vesel dan kekurangan

pekerja mahir. Dalam hal ini, peranan Jabatan Perikanan ialah untuk mengeluarkan permit penangkapan ikan laut dalam kepada pengusaha-pengusaha ini. Selain daripada pengeluaran permit ini, Jabatan Perikanan dari masa ke semasa menganjurkan sesi latihan kepada nelayan-nelayan tentang ilmu-ilmu baru menangkap ikan laut dalam demi meningkatkan kemahiran mereka.

2. Akuakultur

Perancangan yang teliti dan rapi telah diberikan untuk memajukan sektor ini terutamanya dalam bidang berskala besar yang melibatkan pihak swasta dan juga berskala kecil yang melibatkan petani-petani kecil. Pengeluaran akuakultur ini termasuklah aktiviti-aktiviti pengeluaran kerang, ternakan ikan air tawar, ternakan ikan dalam sangkar dan perusahaan ikan hiasan. Di dalam semua aktiviti-aktiviti ini, Jabatan Perikanan sedia membantu nelayan-nelayan dari segi khidmat kepakaran dan tunjuk ajar.

3. Pengeluaran Benih Ikan

Pengeluaran benih ikan bermutu oleh Jabatan Perikanan memainkan peranan penting di dalam menjayakan program penternakan ikan. Di samping membekalkan benih ikan kepada pengusaha-pengusaha kolam, benih-benih ikan yang dibiak di pusat-pusat penetasan ikan juga dilepaskan ke habitat semula jadi seperti sungai, paya atau kolam di bawah program penambahan stok ikan. Pada tahun 1999, sejumlah 25.28 juta ekor benih ikan telah diagihkan kepada penternak ikan dan 2.7 juta pula dilepaskan ke perairan umum.

KESIMPULAN

Pada tahun 2000, 41.2 peratus penduduk kekal di sektor luar bandar dan kebanyakannya terlibat dengan aktiviti pertanian (Nik Yahya, 2000). Oleh itu, program pembangunan untuk sektor ini adalah amat penting sekali kerana ianya masih mempunyai hampir separuh daripada keseluruhan penduduk negara. Perlaksanaan DPN3 seperti mana yang digariskan di dalam buku Dasar Pertanian Negara Ketiga setebal 295 halaman itu merupakan suatu pemangkin di dalam memajukan dan membangunkan komuniti masyarakat peladang, penternak dan nelayan. Ianya perlu diteliti dan diikuti oleh setiap agensi pelaksana dan dapat direalisasikan dalam bentuk program dan aktiviti jabatan atau agensi masing-masing. Sesuatu dasar itu tidak akan bermakna sekiranya agensi pelaksana menjalankan sesuatu yang berlainan dari apa yang telah digariskan.

RUJUKAN

- Jabatan Perikanan Malaysia (2000). Perangkaan Tahunan Perikanan 1999.
- Jabatan Perkhidmatan Haiwan Kedah (2001). Anggaran Belanjawan Pembangunan 2001.
- Jabatan Pertanian Negeri Kedah (2002). Laporan Analisis Projek Berkelompok 2001.
- Jabatan Pertanian Negeri Kedah (2000). Anggaran Belanjawan Pembangunan 2001.
- Jabatan Pertanian Negeri Kedah (2000). Rancangan Malaysia Kelapan Jabatan Pertanian.
- Jabatan Pertanian Negeri Kedah (1999). Anggaran Belanjawan Pembangunan 2000.
- Jabatan Pertanian Malaysia (1997). Rancangan Strategik Jabatan Pertanian Dalam RMK-7
- Kerajaan Negeri Kedah (2001). Belanjawan Negeri Kedah Bagi Tahun 2001.
- Kementerian Pertanian Malaysia (1999). Dasar Pertanian Negara Ketiga (1998 – 2010).
- MADA(2001). Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2000.
- Nik Yahya Abd. Rahman (2000). Pertanian kembali penting. *Utusan Malaysia*, 25 April 2000.
- UPEN (2001). Pelan Tindakan Pembangunan Kedah Maju 2010.